

PH, BN dan GRS berunding elak pertembungan di PRN Sabah

Anwar utamakan kesefahaman, tidak mahu wujud pertempuran sesama sendiri

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Pakatan Harapan (PH) berunding dengan Barisan Nasional (BN) dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) bagi mencapai kata sepakat mengelak pertembungan di antara tiga ga-

bugan itu pada Pilihan Raya Negeri Ke-17 (PRN17).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata itu per-sefahaman ketika ini yang cuba dilaksanakan bagi memastikan ketiga-tiga gabungan dapat bekerjasama menghadapi pilihan raya berkenaan.

“Persefahaman kita sekarang ialah kita cuba buat ketetapan agar tiada pertembungan di antara tiga gabungan ini. Kita cuba mengelak untuk memasuki pertempuran antara sesama sendiri disebabkan begitu banyak perbezaan.

“Tapi saya tidak mahu buat andaian awal kerana niat kita ialah mahu pastikan ada perse-

fahaman penuh di antara ketiga-tiga pihak,” katanya ditemui pemberita selepas menyampaikan Amanat Khas Presiden Gerak Gempur Menang PRN Sabah anjuran PKR, di sini semalam.

Anwar yang juga Pengerusi PH berkata demikian ketika ditanya pendirian PH, sama ada memilih BN atau GRS untuk bekerjasama berikutan GRS dan BN menyatakan saling tidak mahu bekerjasama untuk menghadapi PRN17.

Percaya tiada yang mustahil

Presiden PKR itu juga tidak menolak kemungkinan timbul kekeliruan rakyat di kawasan tertentu yang berdepan konflik ber-

hubung isu kerjasama di antara PH, BN dan GRS.

Bagaimanapun, katanya beliau mahu menyampaikan mesej kepada pimpinan ketiga-tiga gabungan supaya mementingkan persefahaman berbanding perkara yang menjadi keutamaan masing-masing.

Beliau percaya tiada yang mustahil untuk dicapai dalam politik termasuk aspek kerjasama, walaupun tidak menolak adakala ia mustahil untuk dicapai.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan PH, Anwar berkata tumpuan kini adalah untuk memastikan gabungan itu dapat memainkan peranan membina di Sabah.

“Apa yang penting bagi PH ialah untuk mendapatkan peranan yang membina dan memastikan kehadirannya dapat meneruskan agenda reformasi.

“Kita juga perlukan kerjasama semua parti bagi memastikan kestabilan, keamanan dan kerajaan negeri yang kuat penting untuk bekerjasama baik dengan Persekutuan untuk manfaat Sabah dan Malaysia” katanya.

Anwar juga mengakui situasi PH ketika ini umpama berdepan cinta tiga segi adakalanya menyenangkan dan ada sedikit duka.

Mengenai agihan kerusi, Perdana Menteri berkata, perkara itu masih dirundingkan pasukan pilihan raya yang dibentuk PH.